

  
**TIMBALAN PERDANA MENTERI  
DAN  
MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI  
MALAYSIA**

---

**KENYATAAN MEDIA**

**BELANJAWAN 2024 MEMPERKUKUH SEKTOR AGRKOMODITI, MENGANGKAT DARJAT RAKYAT**

1. Pembentangan Belanjawan 2024 oleh YAB Perdana Menteri membuktikan komitmen kerajaan dalam memperkasa pertumbuhan ekonomi serta agihan manfaat kerajaan dilaksanakan secara adil kepada semua lapisan masyarakat selaras dengan konsep Malaysia MADANI.
2. Kementerian Perladangan dan Komoditi (KPK) menyambut baik pengumuman Belanjawan 2024 yang menterjemah tekad kerajaan untuk mengorak langkah dalam perjalanan pembaharuan Malaysia, membina semula negara supaya gemilang, terangkum dan mampan, seterusnya mengagihkan limpahan hasil bagi mengangkat darjat rakyat untuk menikmati kehidupan lebih berkualiti terutamanya kepada golongan yang terlibat dalam sektor agrikomoditi.
3. Belanjawan 2024 merangkumi reformasi dasar yang mendokong prinsip dan nilai Ekonomi MADANI menerusi penekanan terhadap dua (2) perkara iaitu menstruktur semula ekonomi ke arah Malaysia sebagai peneraju ekonomi Asia serta menaik taraf kualiti hidup seluruh rakyat Malaysia. Sejajar dengan dasar jangka sederhana hingga panjang khususnya Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12 (KSP RMKe-12) yang mengetengahkan pembangunan sosioekonomi, tiga (3) fokus utama diperkasakan iaitu Memperkuuhkan Kemampunan, Membangunkan Masyarakat Sejahtera dan Mencapai Negara Berpendapatan Tinggi. Justeru, Belanjawan 2024 dilihat mampu menyasarkan peningkatan daya saing Sektor Agrikomoditi menjadi industri *High Growth, High Value* (GHV) melalui penerimaan pakai teknologi dan amalan mampan.
4. Setakat Jun 2023, sektor agrikomoditi telah menyumbang RM38 bilion atau sekitar 5 peratus kepada KDNK dan RM77.4 bilion atau 11 peratus kepada eksport negara. Belanjawan 2024 memberi fokus kepada pembangunan Sektor Agrikomoditi dengan secara keseluruhannya sebanyak RM732.7 meliputi perbelanjaan mengurus sebanyak RM428.31 juta serta perbelanjaan pembangunan pula sejumlah RM304.39 juta, melibatkan perkara-perkara berikut:
  - (i) RM100 juta bagi Insentif Program Tanam Semula Sawit akan ditawarkan secara geran dan pinjaman kepada 7,000 pekebun kecil sawit persendirian.
  - (ii) RM70 juta bagi meningkatkan tahap kemampunan industri sawit serta memperhebat Kempen Menangani Antiminyak Sawit di pentas antarabangsa.
  - (iii) RM10 juta bagi melaksanakan projek rintis penggunaan gas stimulan untuk manfaat pekebun kecil getah di ladang seluas 1,000 hektar.

- (iv) Peruntukan RM400 juta bagi kenaikan Harga Insentif Pengeluaran Getah (IPG) daripada RM2.70 dinaikkan ke paras harga pengaktifan IPG kepada RM 3.00 sekilogram.
  - (v) Bagi peningkatan produktiviti hasil perladangan dan mengurangkan kebergantungan kepada tenaga buruh asing melalui mekanisasi dan automasi seperti dron dan kenderaan pandu sendiri, skop galakan cukai automasi akan diperluas untuk meliputi sektor komoditi di bawah KPK.
5. Sebagai sebuah kementerian yang bertanggungjawab terhadap Sektor Agrikomoditi negara, Kementerian berazam memastikan kemampunan jangka panjang menerusi pelaksanaan reformasi dasar demi kelangsungan Sektor Agrikomoditi serta mengangkat darjat ekonomi rakyat terutamanya pekebun kecil yang merupakan nadi penghasilan produk komoditi negara agar sumber kekayaan negara dapat diimbangi secara saksama.
6. Menerusi Belanjawan 2024 ini juga, sudah pasti Kerajaan Persekutuan terus komited dalam meneruskan rundingan dan melaksanakan tuntutan Perjanjian Malaysia 1963 (MA63). Antaranya Rang Undang-Undang Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (Pindaan) 2023 telah diluluskan di Dewan Rakyat bagi memperuntukkan wakil Kerajaan Negeri Sabah yang dinamakan Ketua Menteri Sabah dan seorang wakil Kerajaan Negeri Sarawak yang dinamakan Premier Sarawak selaras dengan hasil Laporan Jawatankuasa Antara Kerajaan (IGC) 1963.
7. Di samping itu, Kerajaan Persekutuan bersama-sama Kerajaan Sabah telah mencapai kesepakatan berhubung penyerahan kuasa kawal selia bekalan elektrik yang bakal berkuat kuasa pada 3 Januari 2024.
8. Kerajaan Persekutuan juga sedang berunding untuk merealisasikan penyerahan Pelabuhan Bintulu dan pengoperasian Perkhidmatan Udara Desa (RAS) kepada Kerajaan negeri.
9. Kesungguhan Kerajaan Persekutuan dalam memperjuangkan kesejahteraan Sabah dan Sarawak menyaksikan peruntukan untuk kedua-dua negeri berkenaan terus meningkat dalam Belanjawan 2024 berbanding 2023.
10. Peruntukan pembangunan untuk Sarawak meningkat kepada RM5.8 bilion berbanding RM5.6 bilion ringgit pada 2023. Manakala, peruntukan bagi Sabah meningkat kepada RM6.6 bilion berbanding RM6.5 bilion ringgit pada 2023. Penurunan kuasa untuk projek pembangunan di bawah nilai RM50 juta kepada agensi teknikal Sabah dan Sarawak dan peningkatan kadar pemberian khas interim juga membuktikan komitmen padu Kerajaan Perpaduan dalam memperkasakan pembangunan infrastruktur di kedua-dua negeri.

11. Belanjawan 2024 sesungguhnya jelas memperlihat tekad Kerajaan Persekutuan dalam melaksanakan agenda dan dasar yang memberi keutamaan rakyat Malaysia secara keseluruhan khususnya untuk menjaga kebijakan dan hal ehwal Sabah dan Sarawak.

**YAB DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF  
TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI  
13 OKTOBER 2023**

---

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT | KEMENTERIAN PERLADANGAN DAN KOMODITI**



[www.kpk.gov.my](http://www.kpk.gov.my)



Kementerian Perladangan dan Komoditi



mykomoditi

No. 15, Aras 8, Persiaran Perdana, Presint 2, 62654 Putrajaya, Malaysia.  
Tel: 03-88803322 e-mel: [ukk@kpk.gov.my](mailto:ukk@kpk.gov.my)